



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## KENYATAAN MEDIA

### **BELANJAWAN 2024 : PERUNTUKAN RM20 JUTA BAGI MEMPERKASA KAWASAN RUKUN TETANGGA (KRT)**

---

**PUTRAJAYA, 13 Oktober 2023** – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyambut baik dan menyokong Belanjawan 2024 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang bertemakan “**Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat**”.

Belanjawan 2024 keseluruhan berjumlah **RM393.8 bilion** ini menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memperkasa hala tuju perpaduan negara melalui pelaksanaan pelbagai program yang melestarikan perpaduan antara kaum serta memupuk keharmonian dalam kalangan masyarakat.

Melalui Belanjawan 2024, KPN telah diberi peruntukan keseluruhan sebanyak **RM635,821,900.00** iaitu **RM547,590,900.00** bagi Perbelanjaan Mengurus dan **RM88,231,000.00** bagi Perbelanjaan Pembangunan. Peruntukan ini meningkat sebanyak **11.29%** berbanding tahun 2023.

Selaras dengan agenda Malaysia MADANI, KPN akan terus melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi menyemarakkan keharmonian dan perpaduan di Malaysia. Melalui belanjawan ini, sejumlah **RM20 juta** telah diperuntukkan untuk memperkasa peranan **Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** sebagai rujukan sosial yang menyediakan perkhidmatan dan penyebaran maklumat serta memupuk perpaduan dalam komuniti.

Peranan KRT dilihat bukan sahaja dalam aspek penyatuan masyarakat, malah KRT telah mengorak langkah lebih jauh ke hadapan untuk memperkukuh kewujudan serta sumbangannya dalam pembangunan komuniti. Anggota KRT yang juga merupakan jentera perpaduan negara wajar diperkasa agar dapat menyumbang kepada pelaksanaan Ekonomi MADANI yang bertujuan menstruktur semula ekonomi supaya rakyat dapat menikmati limpahan hasil negara.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata “kementerian telah memperkasakan peranan dan memperluaskan akses komuniti dalam KRT menerusi pewujudan enam kelompok komuniti mengikut

perkembangan zaman, berimpak tinggi dan bersasar mengikut umur. Platform ini termasuk penubuhan Jiran Muda, Jiran Wanita, Jiran Warga Emas, Tunas Jiran, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Skuad Uniti di bawah Jawatankuasa KRT”.

Tambah beliau lagi, “KPN komited menjadikan KRT sebagai “Penggerak Masyarakat Progresif” yang dapat memberi manfaat terus kepada komuniti. Tumpuan diberikan kepada lapan (8) aspek yang perlu diterap dan diperkukuhkan dalam komuniti iaitu keselamatan komuniti, pendidikan sepanjang hayat, ekonomi dan sara hidup, daya cipta, alam sekitar, kepimpinan, kesejahteraan komuniti serta warisan dan budaya”.

KRT harus diiktiraf sebagai penggerak masyarakat yang utama di peringkat komuniti yang bukan sahaja membantu mengukuhkan perpaduan tetapi juga menjana ekonomi melalui pendekatan “5C” iaitu *Communicator* (Penghubung), *Coordinator* (Penyelaras), *Conciliator* (Pendamai), *Collaborator* (Rakan Usahasama) dan *Capacity Builder* (Pembina Upaya).

KPN yakin dan percaya pembentangan belanjawan ini selaras dengan hasrat dan strategi kementerian dalam membangunkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 sebagai hala tuju agenda perpaduan nasional.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

13 Oktober 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ( )